

# Malaysia sedia bantu Lebanon

**RIYADH** 29 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Lebanon mengharapkan Malaysia menyegerakan bantuan ekonomi dan pembangunan semula, selain meneruskan usaha diplomatik bagi memulihkan keadaan di negara yang bergolak itu.

Menurut Perdana Menteri, bantuan berkenaan menjadi keutamaan kepada Lebanon, lebih-lebih lagi selepas serangan rejim Israel tahun lepas.

Harapan Lebanon kepada bantuan Malaysia itu disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri Fouad Siniora dalam pertemuan dengan pemimpin Malaysia di sini sejurus sebelum kedua-dua pemimpin itu menghadiri Sidang Kemuncak KEMERDEKAAN Arab.

Abdullah memberitahu wartawan Malaysia di Istana Tetamu di sini bahawa Fouad juga menganggap Malaysia sebagai negara contoh yang boleh diteladani oleh Lebanon

memandangkan kedua-dua negara mempunyai persamaan dari segi penduduknya yang berbilang agama; dan Malaysia berjaya memastikan mereka hidup harmoni dan maju.

Mengenai bantuan ekonomi, kata Abdullah, Fouad berharap Malaysia dapat menghantar segera pasukan daripada Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) bagi melaksanakan kajian berhubung sejumlah projek yang dirancang termasuk dalam usaha memperkenalkan sistem seperti MyKad.

Sambil menyatakan pihak Malaysia sedia berbuat demikian, Abdullah memberitahu bantuan juga boleh disalurkan menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCPT) termasuk dari segi pembangunan modal insan.

Semasa di sini, Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan dua hala dengan

UM- 30/3/2007

**Bantuan berkenaan menjadi keutamaan kepada Lebanon, lebih-lebih lagi selepas serangan rejim Israel tahun lepas**

**ABDULLAH  
AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

Raja Abdullah II dari Jordan, yang antara lain menekankan betapa perlunya rakyat Palestin dikembalikan tanah mereka dalam usaha mencari perdamaian menyeluruh di Asia Barat.

Abdullah juga bertemu Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla yang turut menghadiri sidang kemuncak ini dan perbincangan menjurus kepada usaha meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi.

Selain menyatakan Presiden Indonesia berpuas hati dengan penglibatan aktif syarikat Malaysia dalam pelaburan di Indone-

sia, Jusuf berharap usaha sedemikian dapat dipertingkatkan.

"Indonesia mengharapkan kerjasama lebih besar dalam sektor kelapa sawit terutama dalam memajukan industri hiliran berasaskan kelapa sawit," katanya sambil menambah ia akan meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat republik itu selain meningkatkan keupayaan mengeksportnya.

Sementara itu, dalam perjalanan pulang ke tanah air, Perdana Menteri singgah di Mekah untuk mengerjakan umrah.

- Utusan